

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Al-Quran al-Karim diturunkan dengan bahasa Arab yang jelas, di mana para pujangga Arab ketika itu yang terkenal dengan kehebatan berbahasa juga mengagumi ketinggian bahasa al Quran. Keislaman seorang penyair Arab Tufail r.a menjadi contoh yang jelas, di mana beliau telah mendengar dan mengetahui tentang kemunculan seorang yang diturunkan kepadanya kata-kata yang menakjubkan iaitu al-Quran dan dalam masa yang sama berbagai kutukan dan penghinaan dilontarkan kepadanya seperti ahli sihir, penipu, penghasut dan lain-lain. Ini telah mendorong Tufail r.a. untuk berjumpa sendiri dengan orang tersebut (Muhammad s.a.w.). Tatkala pertemuannya dengan Rasulullah s.a.w, Baginda telah membacakan kepadanya beberapa ayat al-Quran lalu Tufail terpegun dengan keunikian bahasa al-Quran lantas beliau mengumumkan keislamannya.

Kisah di atas dapat memberi gambaran kepada kita akan kehebatan dan keunikian bahasa al-Quran. Al-Šuyūṭī (1998: 56) menyebut yang bermaksud "Jika anda mengamatinya pasti anda merasakan tidak ada bahasa yang sefasih dan sehebat bahasa al-Quran, kesemua maknanya mempunyai ketinggian". Keunikian bahasa al-Quran terserlah dalam pelbagai cabang ilmu bahasa Arab,

antaranya ilmu al-ma'āni yang merupakan salah satu cabang ilmu retorika Arab. Salah satu fasal di dalam ilmu al-ma'āni yang dapat mendekatkan kita dengan keunikan bahasa al-Quran ialah kaedah al-Ḥadzf. Al-Ḥadzf membincangkan tentang pengguguran beberapa perkataan atau klausa ayat dalam sesuatu ungkapan. Permasalahan yang menarik perhatian penulis ialah wujudnya beberapa ayat yang hampir sama struktur dan susunannya di dalam al-Quran, tetapi terdapat pengguguran di dalam salah satu ayat tersebut. Unsur ini menjadi tandatanya di kalangan para pengkaji bahasa al-Quran yang merasakan bahawa terdapat rahsia dan kemukjizatan di sebalik unsur tersebut. Justeru, ini mendorong penulis untuk mengkaji dengan lebih lanjut berhubung unsur tersebut.

1.1 Sebab-sebab pemilihan tajuk

Tajuk ini dipilih memandangkan kekurangan penulisan tentang kemukjizatan al-Quran daripada penulis serta pengkaji tempatan. Mengkaji ayat-ayat al-Quran yang mempunyai struktur yang hampir sama tetapi terdapat pengguguran kata di antara ayat-ayat tersebut dapat mendekatkan kita dengan keunikan bahasa al-Quran dan kemukjizatannya. Setiap apa yang diketengahkan oleh ayat-ayat al-Quran itu pasti mempunyai nilai keunikan dan jauh dari unsur sia-sia, firman Allah s.w.t. :

لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَزَرَّعُ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ

Maksudnya: Yang tidak datang kepadanya (al-Quran) kebatilan baik dari depan maupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Tuhan yang maha bijaksana lagi terpuji (Surah Fussilat : 42).

Atas niat untuk mengenalpasti keunikan dan kemukjizatan bahasa al-Quran menjadikan penulis tertarik untuk memilih tajuk ini sebagai sampel kajian.

Dari aspek lain, kajian ini adalah sebuah kajian baru di mana kebanyakan penulis sebelum ini hanya membincangkan tajuk ini secara umum seperti yang terdapat dalam buku-buku retorik Arab di bawah tajuk al-ḥadzf. Para sarjana Arab juga menulis tentang tajuk ini secara umum sahaja tanpa melakukan analisis yang menyeluruh terhadap kewujudan unsur ini di dalam al-Quran.

Apa yang akan dilakukan oleh penulis ialah menganalisis setiap ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur tersebut dan cuba menyimpulkan rahsia-rahsia dan keunikan yang terdapat di dalamnya.

Tajuk ini juga menyentuh beberapa cabang ilmu ulum al-Quran. Bagi tujuan mencungkil keunikan al-Quran di dalam unsur ini, penulis perlu melihat kepada asbāb al-nuzūl, munāsabat al-āyāt dan lain-lain. Ini sudah tentu akan menjadikan kajian ini lebih menarik dan luas. Selain dari itu, tajuk ini juga akan melibatkan perbincangan ilmu fiqh, aqidah, dan lain-lain. Ini kerana perbahasan tajuk ini akan melibatkan perbincangan yang diutarakan oleh ayat-ayat yang dianalisis.

Justeru, penulis berasa amat berbesar hati dan bersyukur kerana dapat memberi sedikit sumbangan bagi tujuan mengupas dan menganalisis keunikan ayat-ayat dan rahsia-rahsia yang terdapat di dalam al-Quran al-Karim.

1.2 Bidang kajian

Kajian ini adalah kajian yang melibatkan perbahasan berhubung dengan pengguguran kata dan ayat atau al-hadzf yang terdapat di dalam al-Quran. Dalam masa yang sama ia dihubungkan dengan dengan unsur-unsur kemukjizatan atau l'jaz.

Dalam usaha menghasilkan satu huraian yang lengkap dan bernes, kajian ini juga secara tidak langsung akan menyentuh beberapa bidang yang dikenalpasti mempunyai kaitan yang rapat. Dari satu segi, kajian ini di dilihat menjurus ke arah perbahasan yang mempunyai hubungkait dengan Balaghah bahasa Arab yang secara lebih spesifik ia berhubungkait dengan ilmu al-Ma'āni bahasa Arab.

Namun begitu huraian dan analisis yang lengkap akan melibatkan beberapa bidang yang berikut:

a) Tatabahasa

Penulis akan mengenengahkan konteks tatabahasa bagi menghuraikan unsur-unsur pengguguran samada yang melibatkan sebab, tujuan, makna yang terhasil kesan dari pengguguran dan lain lain

b) Ulum al-Quran

Apabila membincangkan tajuk keunikan al-Quran maka ia pasti akan menyentuh bidang ulum al-Quran. Umumnya, setiap pecahan dari bidang ini akan mempunyai kaitan dengan kajian. Ini kerana analisis yang akan dijalankan melibatkan setiap pecahan tersebut dalam usaha mengenalpasti nilai-nilai keunikan yang ada khususnya dari segi *asbāb al-nuzūl*, *munāsabat al-āyāt* dan lain lain.

c) Bidang Pengajian Islam

Kajian ini juga berhubungkait dengan bidang pengajian Islam yang lain selain ulum al-Quran seperti yang tersebut di atas. Antara bidang tersebut ialah fiqh, *aqīdat*, *sīrat* dan lain lain.

Umumnya, tajuk ini akan menggabungkan dua bidang utama, iaitu bidang retorik bahasa Arab dan bidang pengajian Islam. 'Pengguguran kata dan ayat' biasanya merujuk kepada bidang Balaghah bahasa Arab. Bidang ini atau unsur ini akan dianalisis kewujudannya di dalam al-Quran melalui penggabungan dengan beberapa bidang pengajian Islam yang lain. Seterusnya penulis akan menyimpulkan unsur-unsur keunikan yang terdapat dalam ayat-ayat yang dianalisis tersebut.

Kajian ini akan menjadi sebahagian daripada koleksi penyelidikan keunikan al-Quran dalam konteks penggunaan unsur bahasa Arab yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pencinta bahasa al-Quran.

Penulis amat mengharapkan usaha-usaha dari pengkaji yang lain untuk melakukan analisis terhadap unsur-unsur yang lain di dalam retorik bahasa Arab yang terdapat di dalam al Quran dalam usaha mencungkil keunikannya.

1.4 Batasan kajian

Penyelidikan yang berbentuk analisis ini secara umumnya meneliti unsur-unsur pengguguran kata dan ayat yang terdapat di dalam al-Quran dan dalam masa yang sama diketengahkan kesimpulan yang merujuk kepada keunikan al-Quran yang terdapat di dalam unsur-unsur pengguguran kata atau ayat tersebut.

Secara lebih jelas, kajian ini akan menjurus kepada analisis ayat-ayat al-Quran yang mempunyai struktur dan susunan yang sama atau hampir sama tetapi terdapat pengguguran kata atau ayat di dalam salah satu di antara ayat-ayat tersebut. Antara contohnya :

وَمَن يُشَاقِّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ (surah al-Anfal:13)

وَمَن يُشَاقِّ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ (surah al-Hasyr:4)

Dalam ayat yang pertama (al-Anfal 13) terdapat perkataan 'rasulahu' (رسوله) tetapi digugurkan dalam ayat yang kedua (al-Hasyr 4). Susunan dan struktur kedua-dua ayat adalah hampir sama. Justeru, penulis berpendapat

bahawa di sana terdapat rahsia yang boleh dibincangkan bagi menyatakan keunikan al-Quran. Berdasarkan pengamatan penulis, terdapat puluhan ayat yang mempunyai susunan dan struktur yang sama seperti contoh di atas yang barangkali amat menarik untuk dikupas dan dibincang.

Namun begitu, bagi mewujudkan kesinambungan pengkajian maka penulis juga akan mengenengahkan serba sedikit perbincangan tentang l'jāz al-Quran (kemukjizatan al-Quran) diikuti perbincangan berhubung pengguguran (al-Hadzf) dari perspektif retorik bahasa Arab. Seterusnya perbincangan tentang tajuk asasi kajian, menganalisis ayat-ayat pengguguran, seperti contoh di atas. Penulis akan menganalisis ayat-ayat tersebut berpandukan buku al-Mu'jam al-Mufahrast li 'alfāz al-Quran karangan Muhammad Fuad Abdul Bāqi bagi mengenalpasti kewujudan unsur pengguguran tersebut. Penulis akan berusaha sedaya upaya untuk mengenalpasti secara menyeluruh unsur pengguguran tersebut. Namun, andai terdapat ayat-ayat berkaitan yang tertinggal, penulis amat mengharapkan teguran yang membina dari para pensyarah yang budiman bagi menyempurnakan disertasi ini.

Di samping itu, penyelidikan ini akan dikuatkan dengan rujukan daripada buku-buku pengajian Islam seperti fiqh, hadis, akhlak, dan lain lain. Ini adalah kerana hubungan yang rapat yang terdapat di dalam pengkajian bahasa Arab dan pengajian Islam.

Namun kesemua aspek yang dikaji ditumpukan untuk memenuhi objektif kajian ini, iaitu mengenalpasti dan mencungkil rahsia serta keunikan al- Quran yang terdapat di dalam unsur pengguguran.

1.4 Objektif kajian

Dalam usaha untuk mencapai sasaran penulisan kajian ini, penulis telah menggariskan beberapa tujuan atau objektif bagi memperjelaskan matlamat sebenar yang dikehendaki dari kajian ini. Antaranya ialah :

1. Menganalisis serta membandingkan unsur-unsur pengguguran dari perspektif al-Quran yang berdasarkan kepada kajian Balaghat bahasa Arab.
2. Membincangkan tentang keunikan al-Quran yang terdapat di dalam unsur-unsur pengguguran di dalam ayat-ayat al-Quran.
3. Menghubungkan pengajian al-Quran dengan bahasa Arab di mana al-Quran yang diturunkan di dalam bahasa Arab mempunyai perkaitan yang amat rapat.
4. Menyumbang ke arah penulisan di dalam bidang Balaghat bahasa Arab yang agak ketanadusan dari penulis-penulis tempatan.

5. Meningkatkan kesedaran di dalam masyarakat akan kepentingan bahasa Arab serta menyeru masyarakat terutamanya para pelajar untuk mengamati keunikan bahasa al-Quran.
6. Meninjau konsep kemu'jizatan (al-I'jāz) di dalam al-Quran khususnya keunikan bahasa dan penyusunan ayat-ayatnya.
7. Meninjau tajuk pengguguran (al-Hadzf) yang merupakan salah satu tajuk penting di dalam Balaghah bahasa Arab.
8. Menyambung serta meluaskan usaha dan idea yang dicetuskan oleh para sarjana silam.

1.5 Kepentingan kajian

Sesungguhnya tanggungjawap mengagungkan al-Quran secara ilmiah adalah tanggunugjawap bersama. Justeru, keutamaan kajian ini merujuk kepada tanggungjawap tersebut .

Kita dapatkan penulisan berhubung tajuk pengguguran di dalam al-Quran agak ketandusan, dan dalam masa yang sama ia diperlukan oleh para pelajar dan pencinta ilmu al- Quran menjadikan tajuk ini penting dan relevan.

Di samping itu, kajian ini juga memberi faedah yang menyeluruh terhadap mereka yang terlibat di dalam pengkhususan Balaghah bahasa Arab. Melalui kajian

ini mereka dapat menyelami sebahagian perbincangan berhubung Balaghah bahasa Arab serta huraiannya dari kacamata al-Quran al-Karim. Tambahan dari itu, al-Quran yang mempunyai nilai retorik tertinggi menjadikan huraian tersebut penting dan menarik.

Kajian ini juga penting sebagai satu sumbangan ke arah merealisasikan keindahan dan keunikan bahasa al-Quran.

Kepentingan kajian ini terlihat sebagai suatu usaha ke arah menyempurnakan cetusan pendapat dan buah fikiran yang dicetuskan oleh beberapa sarjana retorik Arab. Justeru, kajian ini adalah merupakan analisis menyeluruh terhadap ayat-ayat pengguguran di dalam al-Quran.

1.6 Tinjauan terhadap kajian lampau

Berdasarkan kepada tinjauan penulis di beberapa buah universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya, terdapat banyak penulisan tentang kemukjizatan al-Quran serta analisis terhadap ayat-ayat al-Quran berhubung aspek-aspek tertentu. Antara contoh disertasi yang telah dihasilkan adalah seperti berikut:

1. Analisis gaya bahasa al-Insya' dalam surah al-Nur - Dr. Siti Ikbal binti Sheikh Salleh – Universiti Malaya.
2. Al-Fasi' wa al-Waṣl: Satu analisis dalam surah al-Mulk – Us. Zahazan Bin Muhammad – Universiti Malaya.

3. Pendepanan dan Pengakhiran di dalam al-Quran – Wan Muhammad Bin Wan Sulung – Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Al-Uslūb al-Khiṭābiy Fi al-Quran – Mohd Nuri Bin Mustafa – Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Uslūb al-Taukīd Fi al-Quran – Nik Farhan Binti Mustafa – Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Al-l'jāz al-l'īmīy dalil min adillat misdāqiat al-Quran – Nor Azan Binti Mohd Royan – Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tetapi penulisan yang menyentuh tentang l'jāz al-Quran dari konteks pengguguran kata dan ayat belum kedapatan. Pengguguran kata dan ayat mempunyai skop perbincangan yang luas. Pengguguran kata dan ayat di dalam al-Quran juga boleh dikupas dari palbagai aspek. Penulis membataskan kajian terhadap unsur pengguguran di dalam dua ayat yang hampir sama. Penulis amat berkeyakinan bahawa aspek pengguguran kata di dalam al-Quran boleh dikembangkan dari pelbagai sudut. Ini boleh dilakukan dengan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur tersebut dari sudut tertentu.

1.7 Metologi kajian

Untuk mencapai tujuan penyelidikan, penulis akan menggunakan kaedah kepustakaan sebagai sumber data untuk mengolah tajuk-tajuk yang hendak dikaji. Proses pengumpulan data dilakukan melalui analisa yang menyeluruh terhadap unsur pengguguran di dalam al-Quran. Ini dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar, kitab kitab Balaghah Arab, pengajian Islam serta teks-teks

yang berkaitan dengan al-Quran dan Balaghah Arab, tesaurus, majalah, jurnal, tesis dan sebagainya.

Seterusnya data-data tersebut akan dikaji, diolah dan disuaikan dengan bidang yang berkaitan. Hasil pengolahan membolehkan penulis menyimpulkan keunikan dan keindahan yang terdapat di dalam al-Quran. Ringkasnya terdapat dua metod utama yang akan digunakan dalam kajian ini, iaitu:

1. Metod pengumpulan data

Metod ini merujuk kepada pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk disertasi ini. Ini melibatkan sebarang hasil kerja ilmiah samada buku, majalah, jurnal, makalah, dan sebagainya. Data yang terpenting dalam disertasi ini ialah mengenalpasti ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur pengguguran seperti yang dijelaskan dalam batasan kajian.

2. Metod analisis

Ayat-ayat yang telah dikenalpasti akan diteliti dan dikaji dari pelbagai aspek. Ini bagi membolehkan kesimpulan dan rumusan dilakukan yang akan menjurus ke arah merealisasikan nilai kemukjizatan al-Quran dalam unsur ini. Dalam menganalisa data yang diperolehi penulis akan menggunakan metod induktif iaitu penganalisan data dengan membuat kesimpulan dari perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek-aspek pengguguran di dalam ayat-ayat al-Quran.

1.8 Rangka kajian

Bagi memudahkan perbincangan tajuk ini, penulis membahagiannya kepada lima bab. Setiap bab mengandungi pecahan pecahan tertentu.

Penulis memulakan perbincangan disertasi dengan bab pertama yang mengandungi pendahuluan dan sebab-sebab pemilihan tajuk. Begitu juga bidang dan batasan kajian bagi memastikan skop dan ruang lingkup kajian. Dalam bab yang pertama juga diutarakan objektif kajian serta kepentingannya di samping metodologi penyelidikan dan diakhiri dengan rangka kajian.

Ia diikuti oleh bab kedua yang mengandungi perbincangan-perbincangan berhubung dengan l'jaz al-Quran yang melibatkan pengertiannya, pembahagiannya, sejarah perkembangan di samping penekanan kepada al- l'jaz al-lughawiy (الْعِجَازُ الْغُرْبِيُّ), iaitu kemujizatan al-Quran dari segi bahasanya yang indah.

Bab ketiga pula mengandungi perbincangan berhubung pengguguran (al-hadzf) yang meliputi definisi, pembahagian, tujuan dan lain-lain.

Disusuli pula dengan bab keempat yang akan difokuskan kepada kajian berhubung dengan kemujizatan al-Quran di dalam pengguguran ayat dan kata. Seperti yang dinyatakan di dalam batasan kajian di mana penyelidikan ini melibatkan analisis ayat-ayat al-Quran yang mempunyai susunan dan struktur yang

hampir sama tetapi terdapat unsur pengguguran di antara ayat-ayat tersebut. Penulis akan cuba mengupas rahsia yang terdapat di sebalik pengguguran tersebut dari pelbagai perspektif untuk menzhahirkan keunikan dan keindahan al-Quran. Justeru, bab keempat ini lebih besar saiznya dibandingkan dengan bab-bab yang lain kerana ia adalah bab yang terpenting dalam disertasi ini.

Selepas pembentangan secara menyeluruh dilakukan, penulis mengakhiri kajian ini dengan bab kelima yang merupakan kesimpulan dan saranan kepada pengkajian dan penyelidikan yang dibentangkan di dalam bab-bab yang lalu.

1.9 Penutup

Dalam usaha menghasilkan kajian yang bernalas, ilmiah dan tersusun penulis amat mengharapkan teguran serta kritikan membina dari mereka yang lebih berpengalaman. Kajian ini diharapkan dapat mencapai objektif-objektif yang telah digariskan serta dihuraikan selari dengan bidang dan batasan kajian. Penulis juga berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca khususnya kepada para pencinta bahasa al-Quran.